

Agrobank, UPM jalin kerjasama

Agrobank menjalin kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memperkukuhkan pembangunan dan pertumbuhan industri pertanian di negara ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, berkata kerjasama itu selaras usaha Agrobank dalam meningkatkan sektor pertanian secara keseluruhan dan merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan sektor pertanian sebagai sumber ketiga bagi pertumbuhan negara.

“Kerjasama antara Agrobank dan UPM, terutama menerusi Fakulti Pertanian adalah langkah penting untuk mempertingkatkan keupayaan antara pemain industri serta ahli akademik bagi menjadikan sektor berkenaan mampu memberi peluang kepada generasi muda meneroka peluang kerjaya dan perniagaan berasaskan pertanian,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur.

Jalinan kerjasama antara Agrobank dan UPM itu dimeterai menerusi satu memorandum persefahaman (MoU), minggu lalu.

Agrobank yang sudah lama bekerjasama dengan UPM, menyediakan pelbagai inisiatif bagi kemudahan di institusi berkenaan termasuk pengagihan dana biasiswa, kemudahan mesin ATM dan menawarkan pembiayaan menerusi Kelab MyAgrosis.

Setiap ahli Kelab MyAgrosis yang kini berjumlah 754 pelajar dari UPM berpeluang menjalani latihan, selain ditawarkan pembiayaan bagi projek berkaitan Agro Ladang, Agro Niaga, Agro Kultur dan Agro Inovasi.